

HARI : SELASA
TARIKH : 18/2/2020
M/SURAT : 1

IBU BAPA DIKUHATI! GUNA
CRS TAK IKUT SPESIFIKAS!

GADAI NYAWA ANAK



WARNING

Penggunaan penggunaan kerusi keselamatan kanak-kanak (CRS) di dalam kenderaan bermula 1 Januari lalu menyebabkan ada ibu bapa yang sekadar tangkap muat dalam menyertakan kemudahan itu untuk anak masing-masing tanpa menyedari mereka merisikokan nyawa insan tersayang apabila membeli CRS yang tidak menepati spesifikasi dan piauwan keselamatan, lapor Amir Abd Hamid dan Rezuan Muhamam

MSQ

Kajang: "Tak galakkan pembelian kerusi keselamatan kanak-kanak (CRS) terpakai namun tiada halangan dengan syarat tahu ia tidak pernah terbabit dalam kemalangan," kata Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (Miros), Dr Siti Zaharah Ishak.

Dr Siti Zaharah memberi reaksi itu ketika diminta saranannya terhadap ibu bapa yang merancang untuk membeli CRS terpakai.

Menurutnya, pemeriksaan dan penguatkuasaan di premis termasuk kedai barang terpakai di bawah bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) namun pihaknya akan terus menyuarakan maklumat dalam usaha memberi kefahaman kepada masyarakat.

Katanya, murah atau mahal harga CRS bukan persoalannya kerana yang lebih penting, ia dibuat mengikut spesifikasi dan piawaian ditetapkan.

"Paling dikhawatir jika CRS hanya kelihatan menarik, tetapi dibuat tanpa ikut spesifikasi. Di situ lah pentingnya



Pastikan CRS ikut spesifikasi

pelekat dengan Kod QR dan pengesahan piawaian.

"Ini kerana menerusi pelekat berkenaan, pengguna boleh mendapatkan butiran lanjut berkaitan produk dan mereka yang bercadang membeli CRS terpakai perlu ambil kira aspek ini dan tahu bahawa selain kedai *bundle*, CRS pemberian ahli keluarga atau individu lain juga sama

(termasuk dalam kategori terpakai).

"Tempoh maksimum penggunaan CRS lapan tahun, tetapi tiada masalah digunakan jika ia masih dalam keadaan baik, bebas kemalangan dan ada ketahanan kukuh," katanya ketika ditemui Harian Metro di pejabat Miros di Taman Kajang Sentral di sini.

Dalam pada itu, Dr Siti Za-

rah berkata, Miros turut bekerjasama dengan platform jualan dalam talian sebagai usaha memberi kefahaman berkaitan kepentingan pembelian CRS mengikut piawaian.

"Kerjasama itu dijalankan menerusi penyaluran video berkaitan ujian pelanggaran dijalankan kepada platform berkenaan," katanya.






DR Siti Zaharah menunjukkan CRS yang dibuat mengikut spesifikasi ditetapkan.



DR Siti Zaharah menunjukkan contoh CRS yang mempunyai pelekat Kod QR.

CRS terpakai yang dijual di kedai barang terpakai di sekitar Lembar Klang.



ANJERA CRS terpakai yang dijual di kedai barang terpakai

Oleh Amir Abd Hamid
 dan Redzuan Muhamar
 am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Awas! Anda mungkin mahu berjimat namun tanpa disedari meletakkan anak dalam risiko kematian sekiranya menggunakan kerusi keselamatan kanak-kanak (CRS) terpakai yang tidak mengikut spesifikasi dan piawaian ditetapkan.

Harian Metro difahamkan, ada pembelian 'panik' CRS di seluruh negara rentetan pengukuasaan penggunaannya yang diumumkan kerajaan bermula 1 Januari lalu.

Pembelian panik itu dilaporkan dilakukan ibu bapa bertujuan mengelak mereka disaman pihak berkuasa tanpa menyedari CRS mempunyai tarikh luput penggunaannya antara enam hingga lapan tahun. Malah, CRS yang pernah terbabit dalam kemalangan tidak boleh digunakan.

Wartawan Harian Metro melakukan tinjauan di

'Murah tak apa janji ada'

Pengguna berdepan risiko beli CRS terpakai tidak ikut spesifikasi, piawaian ditetapkan



beberapa kedai barang terpakai di sekitar Lembah Klang bagi mendapatkan situasi sebenar susulan pengukuasaan penggunaan

CRS berkenaan.

Seorang penjual barang terpakai termasuk CRS yang ditemui di ibu kota berkata, permintaan CRS

meningkat sejak kerajaan mengumumkan pengukuasaan penggunaannya.

"Ramai pelanggan datang

beli. Mereka kebanyakannya mahu beli yang murah kerana bimbang dikenakan saman," katanya.

Menurutnya, CRS terpakai dijualnya diimport dari luar negara dan dijual sekitar RM80.

"Saya tidak tahu import dari mana, mungkin Jepun. Keadaannya elok lagi, di luar sana lagi mahal. Jangan risau, harga boleh runding kalau serius (untuk membeli)," katanya.

Ditanya berapa usia CRS terpakai dijualnya itu selain sama ada pernah terbabit dalam kemalangan atau tidak, peniaga terbabit kelihatan terpinga-pinga dan menggelengkan kepala.

Seorang lagi peniaga yang mahu dikenali sebagai Am, 35, berkata, harga CRS terpakainya dijualnya bergantung dengan keadaan. "Harga ikut *condition* (keadaan), yang cantik dan berjenama mahal sikit. Tapi, ada yang murah kalau mahu. Cuma keadaannya biasa-biasa saja. Janji ada dalam kereta, kalau tak nanti kena saman," katanya.

Selain tinjauan dilakukan di kedai barang terpakai, wartawan juga melakukan pemerhatian terhadap penjualan CRS secara dalam talian.

Semakan di satu platform jual beli dalam talian mendapati harga ditawarkan lebih murah iaitu serendah RM30 hingga bawah RM50 selepas diskon.

Meskipun rekaannya menarik dan memberi jaminan keselamatan di ruangan keterangan produk, tiada pelekat pengesahan piawaian dengan Kod QR dipaparkan.

Manakala, semakan di sebuah platform jual beli dalam talian mendapati harga ditawarkan mampu milik cuma terdapat penjual yang mengiklankan CRS walaupun keadaannya sudah tidak sempurna yakni terdapat kerosakan di beberapa bahagian.

Turut dijual CRS mudah alih serendah RM30 yang tidak diketahui sejauh mana ia boleh melindungi dari kecederaan serius sekiranya kenderaan terbabit dalam kemalangan.